

25 MAR 2001

Cuepacs-gaji

CUEPACS BERI TEMPOH TIGA BULAN KEPADA JPA SIAPKAN LAPORAN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Cuepacs memberi tempoh tiga bulan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menyiapkan laporan mengenai pindaan kepada sistem gaji matriks untuk dibentangkan kepada kerajaan.

Presidennya N. Siva Subramaniam berkata jika JPA gagal menyelesaikan laporan itu dalam tempoh tersebut, Cuepacs akan bermesyuarat bagi memutuskan tindakan selanjutnya.

Namun, katanya, Cuepacs yakin JPA mampu berbuat demikian memandangkan perkara itu amat penting diselesaikan ekoran rasa tidak puas hati sebilangan besar 900,000 kakitangan awam sejak pengenalan gaji matriks di bawah Sistem Saraan Baru hampir 10 tahun lepas.

"Ini bukan satu ugutan, tapi saya percaya mana-mana kerajaan yang ingin jadi popular dan menjamin mutu perkhidmatan yang tinggi tidak boleh simpan (kekalkan) sistem matriks ini lagi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis Cuepacs di sini hari ini

Siva Subramaniam berkata sudah sampai masanya bagi kerajaan mengubah sistem matriks, malahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah bersetuju agar sistem gaji matriks ini dikaji semula dengan serta merta oleh JPA.

Siva Subramaniam juga berkata Cuepacs juga akan mengadakan pertemuan segera dengan Ketua Menteri Sabah yang baru Datuk Chong Kah Kiat bagi menyelesaikan masalah kakitangan kerajaan negeri itu yang belum menerima bonus bagi tahun 2000.

"Cuepacs memandang serius masalah ini," katanya.

Siva Subramaniam berkata mesyuarat hari ini juga telah membincangkan kedudukan kakitangan awam sektor perubatan khususnya membabitkan pembayaran elaun, selain meminta kerajaan mengkaji semula pembayaran elaun perjalanan dan elaun hotel kakitangan awam yang menurutnya tidak setimpal dengan keadaan pada masa sekarang.

Mengenai isu gangguan seksual, Cuepacs mencadangkan agar JPA mewujudkan satu bahagian hal ehwal wanita bagi mengendalikan masalah itu yang dianggap satu perkara amat serius.

Pada sidang berita itu, Siva Subramaniam dan setiausaha agung Cuepacs Abdul Rahman Manan mengumumkan bahawa mereka akan mempertahankan jawatan masing-masing pada Konvensyen Cuepacs ke-22 yang akan diadakan sebelum November ini.

-- BERNAMA

RV AFY MAI